

Nora Anne masih hidup: Bomba

Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) optimis bahawa remaja perempuan warga Ireland, Nora Anne Quoirin, 15, yang hilang sejak Ahad lalu di sebuah resort di Pantai dekat sini, masih hidup.

Ketua Balai Bomba dan Penyelamat Seremban, Mohammad Idris, berkata ini berikutan kawasan sekitar resort berkenaan mempunyai banyak sumber air dan mampu memberi tenaga kepada mangsa meneruskan hidup biarpun terputus bekalan makanan untuk tempoh tertentu.

Justeru, beliau tidak menolak kemungkinan mangsa akan mencari air dan sumber terdekat adalah di sungai berkenaan.

"Secara logiknya, walaupun empat hari hilang, jika ada sungai peluang untuk hidup itu masih ada.

"Sebab itu, operasi pencarian kita hari ini (semalam) tertumpu di sepanjang sungai untuk mengesan kemungkinan mangsa berada di kawasan sekitar atau di celah-celah batu," katanya kepada media di sini, semalam.

Mohammad berkata, kekuatan anggota bomba turut ditambah semalam kepada kira-kira 40 orang termasuk bantuan JBPM Kuala Lumpur dan Selangor.

Bagaimanapun, beliau berkata, setakat ini masih belum ada sebarang petunjuk berhubung kehilangan mangsa.

"Kita sudah membantu operasi sejak hari pertama lagi. Anggota dipecahkan kepada empat kumpulan mengikut sektor pencarian yang sudah ditetapkan, termasuk di kawasan hutan.

"Seramai 10 anggota Pasukan Penyelamat Di Air (PPDA) turut dikerahkan untuk operasi menyelam di dasar sungai dan setakat ini, sektor pencarian di kawasan sungai membabitkan sepanjang dua kilometer," katanya.

Nora Anne sebelum ini dilaporkan hilang ketika menginap di sebuah resort di Pantai di sini pada Ahad lalu sebelum pihak berkuasa melancarkan operasi mencari dan menyelamat (SAR) di kawasan berkenaan.

Bagaimanapun, operasi SAR yang memasuki hari keempat hari ini masih gagal mengesan mangsa.

Sementara itu, Ketua Polis Daerah Nilai, Superintendan Mohd Nor Marzuki Besar, berkata polis semalam menambah kekuatan anggota SAR iaitu 206 pegawai dan anggota serta enam anjing dari Unit Anjing Pengesan (K9) berbanding 178 orang kelmarin.

Beliau berkata, operasi pencarian yang memasuki hari keempat itu bermula seawal jam 7 pagi semalam.

Nasional

Remaja Ireland hilang

20 individu beri keterangan

PENCARIAN NORA ANNE QUOIRIN



Kronologi kehilangan Nora Anne Quoirin

- **NORA ANNE QUOIRIN**
Mengalami masalah pembelajaran
- **Umur** 15 tahun
- **Warganegara** Ireland
- **Lokasi terakhir**
Resort The Dusun Pantai Hill, Seremban, Negeri Sembilan

3 Ogos 2019
Nora Anne Quoirin, 15, tiba di Resort The Dusun Pantai Hill, Seremban, Negeri Sembilan bersama keluarganya untuk bercuti.

4 Ogos 2019
■ Ahli keluarga menyedari kehilangan mangsa kira-kira jam 8 pagi sebelum melaporkan kepada pihak polis.
■ Operasi mencari dan menyelamat (SAR) dilancarkan untuk mengesan mangsa dibantu pihak bomba dan unit K9.

5 Ogos 2019
■ Unit Udara PBRM turut serta operasi SAR dengan menggunakan helikopter di kawasan sekitar.
■ Platun Batalion 4 Gerakan Am (PGA) Cheras turut serta dalam operasi SAR itu.
■ Ketua Polis Negeri Sembilan Datuk Mohamad Mat Yusop mengklasifikasikan kes itu sebagai orang hilang dan matikan mangsa diulik.

6 Ogos 2019
■ Operasi SAR diteruskan dengan kekuatan 150 anggota dari pelbagai agensi keselamatan serta meluaskan skop kawasan pencarian.
■ Anggota mengalami kesukaran apabila jejak mangsa hanya dapat dikesan pada jarak 100 meter.

7 Ogos 2019
■ Operasi SAR diteruskan dengan menumpu kawasan sungai dan beberapa kawasan berhampiran.
■ Polis sudah merakam keterangan 20 individu termasuk ahli keluarga bagi membantu siasatan.

Pekerja resort, penduduk beri maklumat sukarela

Oleh Tuty Haryanti Ahmad Rodzi
tuty@bh.com.my

Seremban: Polis sudah merakam keterangan 20 individu termasuk ahli keluarga untuk membantu siasatan berhubung kes kehilangan Nora Anne Quoirin, 15, sejak Ahad lalu.

Timbalan Ketua Polis Negeri Sembilan, Senior Asisten Komisioner Che Zakaria Othman, berkata 20 orang itu termasuk ahli keluarga, pekerja resort dan penduduk yang tampil secara sukarela memberikan maklumat.

Katanya, walaupun kes berkenaan diklasifikasikan sebagai orang hilang, pihaknya menjalankan siasatan secara menyeluruh.

"Kami tidak menolak sebarang kemungkinan dalam kes ini sebab itu setiap maklumat diterima akan disiasat," katanya pada sidang media di Balai Polis Pantai di sini, semalam.

Mengulas siasatan cap jari pada tingkat ruang tamu yang dibuat di lokasi Nora dipercayai hilang, beliau berkata, pihaknya sudah menerima keputusan itu.

"Terdapat beberapa kesan cap jari diperolehi, tetapi kita tidak dapat dedahkan lagi keputusan setakat ini," katanya yang enggan mengulas sama ada tingkap itu dapat dibuka dari luar atau hanya dari dalam.

Mengulas kenyataan keluarga yang mendakwa anak mereka diculik, Che Zakaria berkata, pihaknya tiada maklumat mengatakan begitu, namun polis tetap menjalankan siasatan setiap aspek termasuk jenayah.

"Setiap hari kami berjumpa mereka (keluarga) dan mereka memberikan kerjasama baik," katanya yang turut memaklumkan Nora tidak pernah hilang sebelum ini.

Katanya, polis kini turut meluaskan kawasan pencarian daripada empat kilometer kepada enam kilometer dari lokasi Nora hilang.

"Sehingga kini kami belum menemui sebarang petunjuk, namun percaya mangsa masih berada dalam kawasan ini.

"Kami percaya dalam usia 15 tahun, dia mungkin tidak dapat berjalan terlalu jauh dan masih mampu bertahan kerana ada air sungai. Tetapi itu bergantung kepada tahap ketahanannya juga," katanya.

Ditanya mengenai sistem keselamatan di resort itu, Che Zakaria berkata, sistem kamera litar tertutup (CCTV) di resort itu hanya berada di kaunter, tetapi tiada di bahagian pagar atau kawasan lain.

Bagaimanapun, katanya, terdapat pekerja yang bertanggungjawab menjaga kawasan berkenaan setiap hari walaupun kawasan itu tidak berpagar secara keseluruhan.

JUMLAH KEKUATAN ANGGOTA SAR

Jumlah keseluruhan:
214 orang + 4 ekor anjing + 2 Dron

- Polis: 70 orang
- Bomba: 44 orang + 2 anjing (K9)
- Angkatan Pertahanan Awam (APM): 27 orang + 2 anjing (K9)
- Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA): 19 orang
- Pasukan Gerakan Am (PGA): 52 orang
- SAPURA/Dron: 2 orang
- Lokasi pencarian diperluas daripada 4km kepada 6km dengan dibahagikan kepada 6 zon

